

**SESI PENERANGAN
PERANAN
KORIDOR UTILITI
DARUL RIDZUAN
DAN PENGENALAN
SISTEM KUDRAT**



Layari Laman Sesawang Rasmi KUDR
kudr.my



Koridor Utiliti Darul Ridzuan Sdn Bhd (KUDR) merupakan syarikat yang ditubuhkan melalui inisiatif Kerajaan Negeri Perak untuk mewujudkan sebuah Agensi Penyelaras Setempat dalam industri pemasangan infrastruktur utiliti.

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 2015 bertarikh 10 Mei 2023 telah meluluskan skop perkhidmatan KUDR sebagai '*One Stop Agency*' yang menyelaras prosedur permohonan masuk pembangunan, penyelenggaraan dan pengalihan utiliti di jalan raya sedia ada (Brownfield) dan jalan raya baharu (Greenfield) bermula daripada peringkat permohonan kelulusan izin lalu hingga ke pemulangan wang deposit keselamatan.



YAB Dato' Seri Haji Saarani Bin Mohamad
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan



YB Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



YB Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar Bin Jamaluddin
Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur,
Tenaga, Air Dan
Pengangkutan Awam Negeri Perak Darul Ridzuan




YB Puan Sandra Ng Shy Ching
Pengerusi Jawatankuasa
Perumahan Dan Kerajaan
Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan



YBhg Datuk Redza Rafiq Bin Abdul Razak
Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

CARTA ORGANISASI




AKTIVITI UTAMA DAN FUNGSI KUDR



Aktiviti Utama KUDR


Berdasarkan GP006-A, aktiviti-aktiviti utama KUDR perlu **meliputi medium fizikal yang dipasang oleh syarikat utiliti** untuk memberikan perkhidmatan kepada pengguna, seperti bekalan air, bekalan elektrik, perkhidmatan komunikasi, bekalan gas dan lain-lain **bermula daripada permohonan sehingga ke pengumpulan serta penyerahan data utiliti kepada PerakGIS bagi tujuan pembangunan pangkalan data utiliti negeri.**

Skop perkhidmatan melibatkan proses kerja semua pemegang taruh dan meliputi bidang-bidang berikut:



BIDANG TUGAS KUDR: PERBANDINGAN PROSES

SEBELUM



SELEPAS



- Tanpa Agensi Penyelaras, proses tadbir urus adalah **sangat kompleks** dan melibatkan **pemohon yang pelbagai**. Pemohon perlu berurusan dengan **pelbagai Pihak Berkuasa Melulus (PBM)**, dengan **format dan cara yang berlainan**. PBM pula perlu menghadapi pemohon yang berbeza dengan **cadangan teknikal yang berbeza** serta **tidak selaras/seragam**.

- Dengan **penglibatan Agensi Penyelaras** Koridor Utiliti Negeri Perak (KUDR) sebagai OSA, tadbir urus permit yang kompleks bagi pemegang taruh akan **menjadi lebih mudah** dan efisien. Pemohon atau Pihak Berkuasa Melulus **hanya perlu berurusan dengan Agensi Penyelaras sahaja**. Segala borang dan cadangan teknikal akan diselaraskan oleh Agensi Penyelaras.
- Penglibatan Agensi Penyelaras Koridor Utiliti Negeri dalam setiap proses termasuk penyediaan pelan **Underground Detection Mapping (UDM)**, **Traffic Management Plan (TMP)** dan **As Built Plan** akan **memastikan kawalan dari segi pengumpulan data utiliti** sentiasa tepat, lengkap, konsisten dan terkini secara berkesan.



Memudahkan Proses Tadbir Urus Kelulusan Permit

- Pengumpulan data utiliti memudahkan mengenalpasti cadangan laluan dari pelbagai penyedia utiliti.
- Pemaju/Kontraktor tidak perlu berurusan dengan Pihak Berkuasa Melulus yang berbeza.
- KUDR menjadi pusat yang akan merekod dan menyimpan semua permohonan untuk dijadikan rujukan.



Proses Pembinaan dan Isu Siap Bina

- Kerja lebih selamat disebabkan keperluan pelan pemetaan utiliti (UDM) dan Pelan Pengurusan Trafik (TMP).
- Kerja pemaju/kontraktor dipantau oleh Pegawai Koridor Daerah.
- Laporan dan Pelan Siap Bina akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melulus.



Proses Penyelenggaraan, Pembangunan & Naiktaraf Fasiliti

- Data dan maklumat pemasangan serta penyelenggaraan utiliti disimpan secara terkumpul untuk memudahkan kerja penyelenggaraan, pembangunan dan naiktaraf infrastruktur utiliti mahupun kemudahan awam yang lain seperti sistem jalanraya perparitan lanskap lampu jalan dan sebagainya.
- Koordinasi yang lancar dalam kerja pengalihan dan pemasangan semula utiliti mengurangkan kepada kelewatan dan pertambahan kos projek pembangunan yang bertindih dengan laluan utiliti sedia ada.

PELAKSANAAN OSA DI JALAN JKR

Faktor mempengaruhi keputusan JKR menggunakan KUDR sebagai OSA

- KUDR akan **menjimatkan masa dan memudahkan JKR untuk menyemak permohonan**
- KUDR akan **memudahkan dan mempercepatkan JKR membuat keputusan** melalui pangkalan data utiliti yang dibangunkan
- Data-data utiliti yang dikumpulkan secara berkesan akan **memudahkan perancangan dan pelaksanaan projek naiktaraf** dan pembangunan fasiliti kerajaan negeri dan persekutuan
- **Pemantauan yang lebih berkesan akan mengurangkan kerosakan akibat kerja kontraktor utiliti** sekaligus **menjimatkan kos selenggara dan baiki jalan JKR**
- **JKR boleh menjimatkan sumber dari segi masa dan tenaga kerja** pada tadbir urus permohonan utiliti dan memberi lebih tumpuan kepada tugas dalam projek naiktaraf dan pmbangunan fasiliti untuk rakyat

جاپتن كرجا راي شراق
JABATAN KERJA RAYA PERAK
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : (05) 253 4041
Faks : (05) 253 7397
(Pejabat Pengarah)
Portal : <http://krperak.gov.my/>
Email aduan : aduankemkn@kr.gov.my
Talian aduan : 1-800-88-3377

Ruj. Kami : Bil (6) dlm.PKR.PK.(J) 12/10/138 Jld. 136
Tarikh : 4 Zulhijah 1445
11 Jun 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN FUNGSI AGENSI PENYELARAS KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN (KUDR)

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat UPEN.PK 45/6/6/41 Jld. 5 (18) bertarikh 15 Januari 2024, surat jabatan ini Bil. (75) dlm.PKR.PK.(J) 12/10/138 Jld. 136 bertarikh 15 April 2024 dan surat KUDR Bil. (78) dlm.KUDR 08/11/1-AM bertarikh 6 Jun 2024 adalah berkaitan.

1. Jabatan Kerja Raya Perak (JKR) Perak mengambil maklum akan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Darul Ridzuan Bil.2105 bertarikh 10 Mei 2023 yang memutuskan bahawa Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR) selaku *One Stop Agency* (OSA) yang bertanggungjawab menerima, menyeragam dan memantau semua permohonan masuk bagi kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraan dan pengalihan utiliti bawah tanah di jajaran sedia ada (*Brownfield*) dan jajaran baharu (*Greenfield*).
2. Sehubungan itu, pejabat ini melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang telah diwakilkan kuasa oleh Menteri Kerja Raya bagi seksyen 85 Akta 333 dengan ini memutuskan bahawa KUDR hendaklah berfungsi sebagai OSA yang menyelaras Pemasangan Utiliti di Jalan Persekutuan dan Negeri Perak Darul Ridzuan berdasarkan *Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri (GPU), Service Level Agreement dan Manual Prosedur Kerja*
3. Oleh itu, berkuatkuasa 17 Jun 2024, permohonan kerja berkaitan utiliti daripada penyedia utiliti adalah melalui KUDR selaku *One Stop Agency* (OSA).
4. Sekian untuk perhatian dan makluman pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Puan/Tuan. Segala kerjasama pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"PERAK SEJAHTERA 2030"
"PROMISING PERAK" TMP2024

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERTIFIED TO ISO 45001:2018


Semua permohonan di kawasan dan jalan seliaan JKR perlu melalui KUDR melalui 17 Jun 2024.

PELAKSANAAN OSA DI JAJARAN SELIAAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

Faktor mempengaruhi keputusan MBI menggunakan KUDR sebagai OSA

- KUDR membantu memproses permohonan bagi kerja-kerja terancang daripada semua syarikat utiliti yang akan dibuat melalui sistem KUDRAT.
- KUDR kemudian akan menyerahkan Kembali permohonan tersebut kepada MBI bagi tujuan kelulusan.
- Permohonan data pemohon dan data utiliti ini penting dalam usaha MBI menyokong agenda Perak Sejahtera 2030.

Semua permohonan di jajaran seliaan MBI perlu melalui KUDR bermula **01 Julai 2024.**



STRUKTUR KADAR CAJ PERKHIDMATAN KUDR

KADAR CAJ PERKHIDMATAN KUDR

PENDAFTARAN RM50.00 (TIDAK TERMASUK SST)

450 METER DAN KEBAWAH

MELEBIHI 450 METER

RM 5100.00

RM 21.00 / METER

- 1) Caj Pengurusan Koridor Utiliti
 - a) Kelulusan Izin Lalu
 - b) Kelulusan Permit Kerja
 - c) Perakuan Sijil Siap Kerja
 - d) Pengurusan dan Pemulangan Wang Deposit
- 2) Caj Pelan Row dan Pegging
- 3) Caj Pelan Pemetaan Utiliti
- 4) Caj Pelan Pengurusan Trafik
- 5) Caj Pelan Siap Bina
- 6) Caj Pembangunan dan Mengemaskini Pangkalan Utiliti

- Kadar caj terbahagi kepada **2 kategori** iaitu kadar bagi permohonan berjarak **450 meter dan kebawah** serta **permohonan melebihi 450 meter**.
- **Skop perkhidmatan** bagi kedua-dua kategori adalah **sama dan merangkumi semua skop perkhidmatan bermula dari permohonan izin sehingga pemulangan wang deposit termasuk penyediaan pelan UDM, TMP dan As Built**.
- **Kadar caj hanya bergantung kepada jarak permohonan dan tidak tertakluk kepada kaedah pemasangan permohonan**

SISTEM KUDRAT

<https://kudr.my/>



SENARAI SEMAK: PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU KUDR

KUDR memerlukan dokumen berikut bagi memproses permohonan kerja pemasangan utiliti:

1. Surat Serahan Dokumen
2. Lukisan Tapak dan Peta Penandaan Lokasi
3. Gambar Lokasi

Surat Serahan Dokumen

- a. Kepala Surat (Letterhead Syarikat)
- b. Tajuk Projek Yang Lengkap
- c. Lampiran Lukisan Tapak, Peta Penandaan Lokasi dan Gambar Lokasi Projek
- d. Nama Pegawai Bertanggungjawab
- e. No. Telefon Bimbit dan Alamat Emel Pegawai

FORMAT SURAT SERAHAN DOKUMEN LENGKAP PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU (KEPALA SURAT PEMOHON / PENYEDIA UTILITI)

Rujukan Kami :
Rujukan Tuan :
Tarikh :

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN
B-G-9 & B-G-11, GREENTOWN SURIA
JALAN DATO' SERI AHMAD SAID
30450 IPOH, PERAK
(u.p.: Pengurus Koridor Negeri)

Tuan/Puan,

PER: TAJUK PROJEK
- Serahan Dokumen Lengkap Bagi Permohonan Kelulusan Izin Laluan

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama surat ini disertakan dokumen-dokumen / lampiran berikut untuk rujukan dan semakan pihak tuan/puan:

- i. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
- ii. Peta Penandaan Lokasi
- iii. Gambar Lokasi

3. Adalah dipohon jasa baik pihak tuan/puan membantu mengaturkan satu tarikh bagi lawatan tapak untuk menentu serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan/puan boleh menghubungi pegawai kami iaitu _____ di talian _____ atau melalui emel ke alamat _____ untuk keterangan lanjut.

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Nama Pegawai Memohon
Jawatan

SENARAI SEMAK: PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU KUDR



**KORIDOR
UTILITI**
DARUL RIDZUAN



Borang Perakuan

- 1. Ditandatangani dan dicop oleh pihak yang berkenaan sahaja. (Penyedia Utiliti/ Pemaju/ Perunding)
- 2. Projek Penyedia Utiliti Cukup Sekiranya Satu Tandatangan Sahaja.

PERAKUAN

1. Kami mengaku bahawa kami akan mengantirugi kepada Pihak Berkuasa Melulus/Tempatan dari segi sebarang tuntutan sivil/kerugian/kerosakan harta benda/kehilangan nyawa dan sebagainya
2. Kami mengaku akan mematuhi syarat-syarat piawaian dan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan dan kegagalan berbuat demikian, Pihak Koridor Utiliti Teknologi Darul Ridzuan Sdn. Bhd. dan Pihak Berkuasa Melulus/Tempatan berhak membatalkan sebarang kelulusan terhadap permohonan ini tanpa sebarang alasan.
3. Kami bertanggungjawab akan mematuhi apa jua arahan dari Pihak Berkuasa Melulus/Tempatan sekiranya diberi arahan untuk mengalih segala aset-aset Agensi Utiliti bagi pelebaran jalan dan sebagainya dengan kaedah pembiayaannya yang berdasarkan kepada Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti Dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2016
4. Kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju untuk mematuhi Undang-Undang Kecil Kerja Di Jalan 1996 dan apa-apa terma atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Melulus/Tempatan dan akan menanggung segala kos bagi pematuhan itu. Kami akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas segala rekabentuk dan perjalanan kerja-kerja tersebut

Tandatangan & Cop Syarikat Penyedia Utiliti/Pemaju	Tandatangan & Cop Syarikat Perunding Kejuruteraan
_____	_____
Nama : _____	Nama : _____
Jawatan : _____	Jawatan : _____
No. HP : _____	No. HP : _____
Emel : _____	Emel : _____
Tarikh : _____	Tarikh : _____

SENARAI SEMAK: PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU KUDR

2

Keperluan Maklumat Pelan Lokasi:


1. Menandakan titik mula dan titik akhir korekan beserta dengan koordinat desimal pada setiap titik.
2. Menunjukkan lingkungan taman perumahan/ mukim yang terlibat dengan lokasi permohonan.
3. Menyertakan laluan cadangan korekan



SENARAI SEMAK: PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU KUDR

3

- Keperluan Maklumat Gambar Lokasi:**
1. Menyatakan jajaran cadangan korekan beserta korekan.
 2. Gambar Lokasi kerja-kerja dijalankan.



1. Caj Pendaftaran KUDR yang dikenakan adalah sebanyak **RM50.00**
2. Pemohon akan menerima notifikasi untuk membuat pembayaran selepas permohonan selesai disemak dan disahkan.



ALAMAT PEJABAT KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN:

B-G-9 & B-G-11
GREENTOWN SURIA
JALAN DATO' SERI AHMAD SAID
30450 IPOH PERAK



kudr.my



PEGAWAI PENDAFTAR DAN SERANTA:

ARENA ZARIFAH
011 – 2686 1091
arena@kudr.my



SEKIAN, TERIMA KASIH